

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT  
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN UNTUK MENAIKKAN KADAR ELAUN KERJA  
LUAR WAKTU PEJABAT (OUT OF HOURS ALLOWANCE) BAGI  
DOKTOR DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN**

**1.0 TUJUAN**

1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan untuk menaikkan kadar 'Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa' (EKLWBB) bagi doktor-doktor di dalam Perkhidmatan Kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Selain daripada menjalankan tugas harian mengikut waktu pejabat, pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar mempunyai tugas yang perlu dijalankan di luar waktu biasa pejabat. Ini melibatkan pegawai perubatan di semua Hospital dan klinik kesihatan di Kementerian-Kementerian Kesihatan, Pendidikan dan Pertahanan. Tugas ini adalah untuk memastikan pesakit sentiasa mendapat pemeriksaan

dan rawatan dari seorang doktor terutamanya untuk kes-kes kecemasan di luar waktu bekerja biasa pejabat.

Doktor yang bertugas di luar waktu bekerja biasa adalah mengikut giliran berdasarkan jumlah doktor yang ada di sesebuah Jabatan dan mengikut hari-hari tertentu, termasuk hari cuti umum dan cuti perayaan. Seorang doktor yang bertugas di luar waktu bekerja biasa perlu berada dalam keadaan bersedia atas panggilan serta senang dihubungi supaya dia dapat hadir dengan segera apabila dipanggil bagi merawat pesakit yang dirujuk kepadanya.

2.2 Secara amnya, apabila seseorang doktor bertugas atas panggilan secara pasif, tumpuan dia adalah lebih kepada pesakit di hospital daripada aktiviti harian. Oleh kerana itu, walaupun dia tidak dipanggil untuk hadir merawat, namun fikirannya dan teringat tentang pesakit-pesakitnya di hospital.

2.3 Untuk yang bertugas atas panggilan secara aktif pula, doktor tersebut seringkali akan mengabaikan masa tidur dan makan untuk memenuhi keperluan kesihatan pesakit-pesakit di bawah jagaannya. Doktor-doktor yang bertugas di kawasan kritikal, terutamanya di unit kecemasan, unit rawatan rapi dan di dewan bedah perlu selalu memberi tumpuan sepenuhnya kepada pesakit kerana sekiranya tumpuan dialih, kesilapan atau

kecelakaan boleh berlaku dan nyawa pesakit boleh terancam.

2.4 Perkhidmatan yang diberikan seseorang doktor itu tidak berakhir pada pagi seterusnya, namun dengan keadaan yang kekurangan rehat, dia akan terus bekerja pada keesokannya sehingga tamat kerja pada jam 5 petang. Ini bermakna, adanya doktor yang merawat pesakit tanpa rehat sehingga 32 jam berturut-turut. Keadaan sebegini telah menyebabkan ramai doktor kelesuan, dan adanya doktor-doktor yang kehilangan nyawa kerana kemalangan selepas bertugas atas panggilan.

2.5 Kita juga sedia maklum, beban kerja di hospital-hospital kerajaan adalah lebih tinggi dari hospital swasta. Di samping itu, kami juga dapati kebanyakan kes-kes yang kritikal dari hospital swasta akan dirujuk ke hospital kerajaan kerana mempunyai kepakaran dan kelengkapan yang lebih menyeluruh. Pesakit – pesakit tersebut akan dirawat secara kecemasan dan kebanyakannya akan dijalankan selepas waktu pejabat mengikut keseriusan penyakit yang dihadapi.

### **3.0 ASAS PERTIMBANGAN**

3.1 EKLWBB mula dibayar oleh kerajaan kepada pegawai perubatan yang bertugas “oncall” pada tahun 1994, selepas 12 tahun diminta oleh persatuan pegawai.

Insentif ini dibayar untuk menghargai pengorbanan para pegawai perubatan semasa menjalankan tugas “oncall”.

- 3.2 Kerajaan telah mengkaji dan meningkatkan elaun tersebut pada tahun 2000 dan sekali lagi pada tahun 2005. Pelarasan elaun tersebut telah meningkatkan kadar bayaran kepada RM 200 – RM 230 yang diterima sekarang.
- 3.3 Kadar yang diatas melihat seorang pakar perubatan hanya dibayar RM 15 sejam untuk kepakaran beliau, manakala seorang pegawai perubatan hanya dibayar RM 12.50 sejam. Jika berbanding dengan kadar lokum kerajaan yang membayar RM 80 sejam untuk pegawai perubatan dan RM 200 sejam untuk pakar perubatan (Insentif Pembedahan Elektif), nyata yang kadar EKLWBB jauh ketinggalan.
- 3.4 Perbandingan dibuat dengan negara maju yang berhampiran menunjukkan juga yang kadar EKLWBB hanya 50% daripada kadar yang dibayar di Singapura dan Australia, antara negara yang kerap menerima pemastautin para doktor daripada negara kita. Walaupun faktor kewangan hanya salah satu faktor yang menyebabkan seorang doktor terus berkhidmat dengan kerajaan, namun dengan memastikan emolumen dan insentif yang diterima adalah menarik dan berpadanan dengan kadar yang sebaiknya, kita

dapat memastikan para pakar dan pegawai perubatan akan terus berkhidmat.

3.5 Keperluan kesihatan negara semakin meningkat dari setahun ke setahun. Rakyat Malaysia juga semakin berumur dengan peningkatan jangka hayat yang semakin tinggi. Kedua-dua keadaan ini merupakan cabaran kepada para pengamal perubatan di negara ini. Maka, ia adalah mustahak untuk memastikan kita masih mempunyai pakar dan pegawai perubatan yang meng\cukupi demi menyahut cabaran untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh dan cemerlang.

#### **4.0 IMPLIKASI KEWANGAN**

4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbangkan permohonan ini, sudah tentu bayaran insentif akan bertambah. Cadangan adalah untuk menyelaraskan kadar elaun yang sedia ada kepada amaun yang setimpal dengan jumlah kerja yang dilakukan.

#### **5.0 KESIMPULAN**

5.1 Permohonan supaya kadar elaun yang sedia ada dikaji semula adalah merupakan satu keperluan dalam menghargai tugas yang dijalankan oleh para doktor. Perbezaan kadar yang ketara ini perlu dikaji semula dan dengan memberikan suatu kadar yang bersesuaian,

sudah pastinya ianya akan meningkatkan daya saing untuk mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan.

- 5.2 Secara langsung, dengan adanya kadar baru seperti di lampiran 1, akan menguatkan semangat para doktor untuk bekerja dengan lebih tekun memandangkan tugas mereka adalah diluar batas masa disebabkan sistem “oncall” yang berbeza iaitu on ‘active call’ dan ‘passive call’.

## **6.0 SYOR**

- 6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Professional dipohon untuk menimbangakan kenaikan kadar bayaran EKLWBB dengan mengambil kira perbezaan di antara Pegawai Perubatan dan Doktor Pakar, iaitu sebanyak RM20.00 setiap jam bagi Pegawai Perubatan dan RM25.00 setiap jam bagi Doktor Pakar.

## LAMPIRAN 1

### KADAR BARU ELAUN KERJA LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB)

	Kadar Semasa		Kadar yang disyorkan	
	Pegawai Perubatan	Pakar Perubatan	Pegawai Perubatan	Pakar Perubatan
<b>Panggilan Aktif</b> Bertugas diluar waktu bekerja biasa <b>melebihi 15 jam</b> secara berterusan pada				
Hari Bekerja biasa	200.00	230.00	<b>300.00</b>	<b>400.00</b>
Hari Cuti Mingguan dan Hari Cuti Am	220.00	250.00	<b>400.00</b>	<b>500.00</b>
<b>Panggilan Pasif</b> Bersedia di rumah dan dipanggil <b>bertugas melebihi 4 jam</b>				
Hari Bekerja biasa	130.00	150.00	<b>180.00</b>	<b>200.00</b>
Hari Cuti Mingguan dan Hari Cuti Am	140.00	160.00	<b>200.00</b>	<b>250.00</b>
<b>Panggilan Pasif</b> Bersedia di rumah dan dipanggil <b>bertugas kurang 4 jam</b> atau tidak dipanggil bertugas				
Hari Bekerja biasa	80.00	100.00	<b>100.00</b>	<b>150.00</b>
Hari Cuti Mingguan dan Hari Cuti Am	85.00	105.00	<b>130.00</b>	<b>180.00</b>

**Disediakan oleh,**

**Dr Kevin Ng Wei Shan**

**Penolong Setiausaha Majlis Bersama Kebangsaan**

**Pengurusan dan Profesional**

**Pengerusi (SCHOMOS)**

**Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)**